



“Kita andaikan pelajar menggunakan RM5 sehari untuk prabayar daripada 23,000 pelajar yang tinggal di kampus dan sebulan boleh mencecah RM115 ribu dan dalam tempoh lapan bulan boleh mencecah RM920 ribu, itu baru penggunaan telefon.

“Selain itu, kita menganggarkan pelajar berbelanja RM10 seorang setiap hari, jumlah mereka belanja sehari iaitu RM230 ribu, sebulan mencecah RM6.9 juta serta lapan bulan mencecah RM55.2 juta,” katanya ketika menyampaikan ucapan dalam program Retreat Hala Tuju dan Perancangan Anak Syarikat UUM, di Pulau Pinang, semalam.